

BERITA MINGGU 2 JUN 2013

Shimri gah bukti masih berbisa

» *Pertahan kejuaraan kategori Universiti Lelaki MUDES 2013 kali kedua berturut-turut*

Oleh Sukhairi Thani
sukhairi@mediaprima.com.my

✦ Kuala Lumpur

Atlet Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Lim Shimri membuktikan dirinya masih berbisa apabila mempertahankan kejuaraan dalam kategori Universiti Lelaki Kejohanan Siri Duathlon Universiti Malakoff (MUDES 2013) untuk kali kedua berturut-turut di Universiti Putra Malaysia (UPM), semalam.

Lebih membanggakan, kemenangan atlet dikenali dalam sukan triathlon itu membantu pasukan dianugerahkan Trofi Universiti Terbaik oleh penganjur, Malakoff Corporation Berhad (Malakoff) sekali gus membawa pulang hadiah RM3,000.

Shimri menamatkan sai-

ngan dengan catatan 41 minit 59 saat menewaskan rakan sepasukan, Muhammad Tarmizizulfika Ismail (42:15s) dan Jason Loh (42:22s) dari Universiti Multimedia Malaysia.

Tiga kategori utama

“Memang tidak dinafikan saya tertekan kerana ingin mempertahankan kejuaraan. Saya gembira usaha saya dengan mengadakan latihan keras sebelum kejohanan bermula membuah hasil,” katanya ketika ditemui semalam.

Kejohanan yang memasuki edisi ketujuh tahun ini mempertandingkan tiga kategori utama iaitu Universiti (lelaki dan wanita), Terbuka (lelaki dan

wanita) dan Relay Berpasukan (lelaki dan campuran).

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Malakoff, Zainal Abidin Jalil berkata, dia berpuas hati dengan penambahan penyertaan kali ini yang disifatkannya memberangsangkan sejak dianjurkan pada 2003 dan teruja untuk mengajurnya pada musim akan datang.

Lebih 900 penyertaan diterima penganjur dalam kejohanan - 3km berlari - 13km berbasikal - 3km berlari itu termasuk dari beberapa negara luar seperti Algeria, Australia, India, Mauritius, New Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat.